

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) tentang kedudukan ekonomi negara pada tahun 2013, jumlah hutang negara pada 31.12.2013 dan jumlah rezab negara pada 31.12.2013.; dan
- (b) berapakah peratusan hutang negara dibandingkan KDNK negara pada tahun 2013 dan adakah kedudukan ini masih selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan ekonomi negara adalah kukuh meskipun negara berhadapan dengan persekitaran luar yang tidak menentu. Ekonomi Malaysia terus berkembang dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar meningkat 4.7% pada tahun 2013 (2012: 5.6%). Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dengan dipacu oleh aktiviti sektor swasta yang teguh. Permintaan dalam negeri meningkat 7.4% (2012: 10.7%), disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan 7% dan aktiviti pelaburan yang kukuh sebanyak 8.5%. Dari sudut penawaran pula, pertumbuhan adalah menyeluruh dengan dipacu oleh sektor perkhidmatan yang berkembang 5.9% dan sektor pembuatan sebanyak 3.4%.

2. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, prestasi ekonomi negara terkini menunjukkan trend yang memberangsangkan dalam tempoh suku pertama 2014 dengan mencatat pertumbuhan KDNK benar sebanyak 6.2%. Kedudukan ini disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang terus cergas serta perkembangan perdagangan luar yang bertambah baik.

Dalam tempoh yang sama, pelaburan swasta pada harga semasa berkembang 16.7% kepada RM44.4 bilion, manakala pelaburan awam menyusut 4.7% kepada RM22.3 bilion. Kerancakan pelaburan swasta terus mencerminkan peranan sektor swasta dalam menerajui aktiviti ekonomi negara.

3. Berhubung dengan rizab antarabangsa Malaysia, jumlahnya adalah sebanyak RM441.9 bilion pada akhir tahun 2013 (akhir tahun 2012: RM427.2 bilion). Kedudukan rizab ini mencerminkan lebih akaun semasa yang berterusan serta telah mengimbangi aliran keluar modal bersih daripada akaun kewangan. Pada 15 Mei 2014, rizab berjumlah RM427.6 bilion (bersamaan dengan USD131.1 bilion), memadai untuk membiayai 9.2 bulan import tertangguh dan 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM539.9 bilion atau 54.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2013 (akhir 2012:

RM501.6 bilion; 53.3%). Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 96.9% atau RM523.1 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.8 bilion atau 3.1% merupakan hutang luar negeri.

5. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan seterusnya mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini secara langsung akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan berikutan ini akan dapat menurunkan paras hutang negara. Sehubungan dengan itu, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik akan terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh pada masa hadapan.